

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SEKOLAH AGAMA AL-AZHARUL JANNAH,
SIMPANG EMPAT SEMANGGOL, PERAK DARUL RIDZUAN
31 MEI 1999

Syukur saya kepada Allah kerana mengizinkan kita hadir ke sekolah ini beramai-ramai bagi satu upacara yang penuh bererti ini. Saya berasa amat gembira, dan terharu dengan sambutan yang cukup meriah ini. Bagi saya, tiadalah dapat saya balas, selain daripada berdoa agar tuan-tuan dan puan-puan, selalu dirahmati Allah.

2. Saya amat berterima kasih di atas undangan yang diberikan, dan rasa bersyukur kerana dapat memenuhi hasrat sekolah ini, yang sudah lama mengundang saya merasmikannya. Bagaimanapun janji saya untuk hadir, tetap ditunaikan lebih-lebih lagi dalam suasana yang begini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Kesempatan ini saya ambil untuk menerangkan sedikit sebanyak tentang krisis kewangan yang melanda negara kita. Pada mula krisis kewangan berlaku, tiada siapa yang boleh menyalahkan pedagang mata wang dan kegiatan mereka. Sebaliknya semua pihak menyalahkan kerajaan kerana tidak telus mengamalkan kronisme kapitalisme, nepotisme dan kurapsi. Pada masa yang lalu kerajaan ini dipuji kerana berjaya membangunkan ekonomi dan tidak di anggap aneh.

4. Walau bagaimanapun, apajua alasan yang kerajaan berikan tentang kegawatan ekonomi yang melanda negara, mereka masih menolak dan tidak mengakui alasan-alasan yang diberikan. Bahkan kerajaan terpaksa, setelah ditimbang baik buruknya, menolak bantuan melalui IMF kerana kerajaan mempunyai sistem penyelesaian yang tersendiri. Kita amat bangga dengan ketegasan yang amat berhormat perdana menteri pada masa itu yang juga menjadi menteri kewangan telah mengambil sikap yang berani mengolah dan melakukan tindakan pentadbiran kewangan yang lebih menguntungkan. Oleh itu kita tidak percaya kepada IMF, dan pendapat ini adalah tepat.

5. Apa pun kejayaan yang kita lalui, ada pihak masih tidak sedar sekolah yang tersergam indah ini melambangkan usaha kerajaan untuk memupuk nilai pendidikan, tidak semata-mata mahu menunjukkan kepentingan pendidikan, malah mahu menyatakan pendidikan itu sebagai suatu pengisian yang perlu kepada anak-anak kita dengan pendidikan, mereka bukan sahaja dapat mengembangkan nilai-nilai murni, peribadi sendiri, malah masyarakat yang mereka diami.

6. Saya difahamkan sekolah ini, didirikan di atas tapak 2 ekar yang bernilai RM60,000 manakala bantuan asas bangunan sebanyak RM500,000 daripada kerajaan pusat dan selebihnya adalah bantuan daripada rancangan pembangunan luar bandar sebanyak kira-kira RM70,000. Demikianlah sejumlah besar kewangan yang dibantu oleh kerajaan, semata-mata untuk membina sebuah sekolah agama. Bagi kerajaan, bukan itu sahaja yang diberi kepada pembinaan sebuah sekolah seperti sekolah agama Al-Azharul Jannah, malah gaji untuk kakitangan dan guru juga menjadi tanggungjawab kita.

7. Saya amat faham bahawa ada pihak menyatakan sekolah agama rakyat seperti ini, dikatakan tidak menerima bantuan modal daripada kerajaan pusat. Dahulu pada suatu waktu sekolah agama rakyat ini ditadbir dan dikelolakan sepenuhnya oleh suatu badan yang dinamakan "LEPAI" (Lembaga Pendidikan Agama Islam). Badan ini dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan sekarang kerajaan pusat dan kerajaan negeri tetap menyalurkan bantuan modal ataupun bantuan penuh kepada sekolah-sekolah yang memerlukan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Apabila kita bercakap tentang guru, kita tidak boleh lari daripada dua perkara tentang guru-guru yang biasa mengamalkan "budaya bercanggah" dan "budaya sendirian".

9. "Budaya Bercanggah" telah menular begitu hebat kepada golongan belia, remaja, pelajar dan individu di mana mereka telah menghasut kanak-kanak atau pelajar supaya membenci pemimpin, ahli-ahli masyarakat, mengutuk guru-guru yang telah menjadi pemimpin di sekolah-sekolah inilah gejala yang sukar dibasmi, malah kita tidak dapat menahan arus yang melanda generasi muda yang belajar pada masa ini. Mereka sudah di ajar supaya tidak bermoral, merusuh dan mampu membunuh rakan mereka sendiri. Lebih suka terlibat dalam budaya mungkar dan engkar, serta tidak mempunyai semangat kesukarelaan dan semangat kekitaan. Sepatutnya, budaya negatif ini tidak perlu ada di jiwa mereka kerana adat budaya timur yang telah kita terokai bertahun-tahun lamanya telah mengajar dan mendidik kita menjadi insan yang berhemah tinggi dan berbudi pekerti mulia.

10. "Budaya Sendirian" pula ialah suatu budaya yang telah menghilangkan nilai-nilai positif di jiwa individu. Mereka telah lupa, siapakah yang telah melatih mereka bercakap dengan kata-kata yang betul dan baik? Mereka telah lupa kepada tangan halus yang mengasuh dan memberi petunjuk ke jalan yang benar dan tangan yang telah menyuap nasi ke mulut mereka! Saya harap dan berkeyakinan penuh bahawa sekolah ini tidak akan menyemai nilai-nilai yang merugikan anak-anak didik mereka. Pendidikan agama secara tulus dan terang tidak mengajar anak muridnya bersikap tidak senonoh atau kurang sopan kepada guru-guru mereka, ibu bapa mereka, masyarakat setempat mereka, para pemimpin dan khasnya negara yang kita cita ini.

11. Apa yang perlu dibuat oleh guru-guru di sekolah adalah: -

- memimpin menunjukkan teladan yang baik;
- bekerja dalam suasana yang kemas;
- berdisiplin kerana memenuhi kaedah;
- Berusaha meningkatkan pengetahuan;
- Berbangga dapat melaksanakan kerja-kerja profesional secara cekap dan berkesan;
- mempunyai daya juang yang tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Di sini saya mengambil kesempatan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada sebahagian rakyat dan ahli koperat, para ilmuan yang bersama-sama menyokong dan mengimplementasi pendekatan kerajaan menangani isu-isu ekonomi dan lain-lain. Pendirian sebeginilah yang memberi kekuatan kepada kerajaan dan pemimpin untuk meneruskan perjuangan seperti dalam bidang pendidikan yang memberi imbuhan kepada semua masyarakat tanpa mengira fahaman pegangan politik mereka. Kejayaan kanak-kanak seperti dalam sekolah agama rakyat ini dan sekolah-sekolah lainnya menjadi matlamat yang tertinggi. Kejayaan anak-anak kita

adalah kejayaan negara ini, sekaligus memberi keuntungan yang besar kepada agama, bangsa dan negara.

13. Sekali lagi saya mengucapkan syukur ke hadrat Illahi kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan. Saya berharap agar pergunakanlah sekolah agama rakyat ini ke arah kecemerlangan akademik dan perkembangan sahsiah yang baik untuk kita pada masa hadapan. Semoga allah memberi perlindungan dan mencucuri rahmat kepada kita semua dengan petunjuk dan rahmat dari Allah. Dengan ucapan bismillahirrahmanirrohim saya merasmikan Sekolah Agama rakyat Al-Azharul Jannah, Simpang Empat Semanggol.

Terima kasih.